



KENYATAAN RASMI DATUK BANDAR MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

Selaras dengan Perutusan Khas YAB Perdana Menteri dan Sidang Media oleh YAB Ketua Menteri Pulau Pinang, MBSP telah membuat ketetapan untuk memperkasakan Perintah Kawalan Pergerakan mulai 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020 di seluruh kawasan Seberang Perai.

Ketetapan yang dibuat adalah seperti berikut :

1. Penutupan premis-premis perniagaan kecuali

- i. Pasaraya
- ii. Kedai Runcit
- iii. Pasar Awam (untuk barangan keperluan harian)
- iv. Kedai Serbaneka 24 jam
- v. Stesen Minyak
- vi. Farmasi
- vii. Klinik-Klinik Kesihatan
- viii. Klinik Veterinar
- ix. Kedai Makanan Haiwan Kesayangan

2. Semua kompleks makanan dan restoran hanya dibenarkan membuat jualan secara 'take away' atau 'drive thru' sahaja, restoran tidak dibenarkan menyajikan makanan di dalam premis perniagaan.

3. Penutupan premis Majlis Bandaraya Seberang Perai, iaitu :

- i. Menara Bandaraya MBSP
- ii. Pejabat Cawangan MBSP di Kampung Jawa, Butterworth
- iii. Pejabat Cawangan MBSP di Jawi, Nibong Tebal
- iv. Pejabat Cawangan MBSP di Jalan Betek, Bukit Mertajam
- v. Kaunter Berpusat MBSP
- vi. Kompleks Sukan Bertam, Kompleks Sukan Sony dan Kompleks Sukan Jalan Betek
- vii. Kolam Renang Awam Jalan Betek dan Kolam Renang Awam Seberang Jaya
- viii. Dewan-Dewan MBSP



4. Orang ramai juga TIDAK dibenarkan untuk menjalankan sebarang aktiviti riadah di semua kawasan rekreasi awam di seluruh Seberang Perai.

(RALAT: Kenyataan yang dikeluarkan pada 17 Mac 2020 membenarkan orang ramai menjalankan aktiviti riadah di Vision Park Kepala Batas, Upcycle Park Bandar Perda, Taman Tunku Seberang Jaya, Taman Bandar Permatang Pauh dan Taman Rekreasi Ampang Jajar Transkrian Nibong Tebal adalah TERBATAL)

5. Semua aktiviti gotong-royong yang melibatkan persatuan ataupun komuniti perlulah DITUNDA.

6. Semua pemilik stesyen minyak dan pasar raya diarahkan mengikuti langkah-langkah pembersihan (disinfeksi) pada tombol pintu, escalator, walkalator, nozzle pump dan troli secara berkala setiap satu jam. Pemilik pasar raya juga diarah menyediakan thermometer bagi mengukur suhu badan pelanggan dan hand sanitizer.

7. MBSP akan meneruskan kerja-kerja pungutan sampah, Kerja Pembersihan Am (pemotongan rumput, cucian parit dan sapu sampah) mengikut jadual seperti biasa.

8. Orang awam boleh melaporkan aduan melalui Call Center MBSP di talian 04 – 269 69 69 bermula jam 8.00 pagi sehingga 5.00 petang. Bagi aduan selepas jam 5.00 petang, orang ramai dinasihatkan menggunakan talian bebas tol iaitu 1-800-88-6777.

9. Semua pasar malam, pasar pagi (bukan pasar awam milik MBSP) dan pasar tani tidak dibenarkan beroperasi.

10. Semua pusat hiburan tidak dibenarkan beroperasi.

DENGAN PERINTAH

**DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

18 MAC 2020

